

Literasi Maklumat @UniMAP


Diselaraskan oleh Md Nizam Azid
nizam@unimap.edu.my

Bengkel Kaedah Penyelidikan Untuk Pelajar Tahun Akhir PPK Bahan

Seramai 117 orang pelajar tahun akhir Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan telah menyertai **Bengkel Kaedah Penyelidikan** yang diadakan pada 7 dan 21 September 2007. Md Nizam Azid, Pustakawan Unit Runding Maklumat telah menyampaikan taklimat di Makmal Komputer MBM6, Taman Muhibbah. Taklimat meliputi pendedahan kepada kemudahan, koleksi dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan UniMAP. Tumpuan diberikan kepada



kaedah pintar dan sistemik dalam mengesan serta memperoleh maklumat untuk penulisan projek tahun akhir. Selain aspek teori, para peserta juga berpeluang mempraktikkan teknik berkenaan selain melengkapkan tugas pencarian maklumat yang disediakan oleh pihak Perpustakaan. Hasil tinjauan menunjukkan para pelajar



merasakan bengkel tersebut amat bermanfaat dan pendedahan mengenai kemahiran maklumat perlu dimulakan pada peringkat awal lagi.

Fokus Maklumat Sebagai Program Pendidikan Pengguna Secara Berterusan

Pendidikan pengguna dan promosi perkhidmatan merupakan fokus Perpustakaan bagi melahirkan para pelajar mahir maklumat. **Program Fokus Maklumat** yang mensasarkan para pelajar sebagai para peserta telah

diperkenalkan pada Oktober 2007. Pengisian program meliputi teknik mengesan dan memperoleh maklumat sama ada daripada sumber elektronik atau bercetak. Para peserta juga berkesempatan mengikuti sesi *hands-on* dan mempraktikkan elemen teori yang disampaikan oleh para Pustakawan sebagai fasilitator program.

Program Outreach ke Pusat Pengajaran


Sepanjang cuti semester, Perpustakaan merangka program *Outreach* ke Pusat Pengajaran bagi memperkenal dan mempromosi koleksi, kemudahan dan perkhidmatan Perpustakaan. Sesi Bengkel Penyelidikan Maklumat dianjurkan di makmal komputer Pusat Pengajaran dengan kerjasama Wakil Pusat Pengajaran. Pengisian program meliputi pengenalan kepada perkhidmatan Perpustakaan



dan akses kepada sumber elektronik atau *e-resource*. Secara keseluruhannya, para peserta berpeluang memahami ketersediaan sumber dalam bidang pengajaran dan penyelidikan, menggunakan kaedah sistemik dalam



pencarian maklumat serta memperoleh maklumat relevan sebagaimana yang diperlukan. Perpustakaan juga menggunakan kesempatan berkenaan dengan memperkenalkan kemudahan *Federated Search Engine, A-Z*



Listing dan *UniMAP Library Digital Repository*. Walau bagaimanapun, majoriti para peserta menunjukkan minat untuk mempelajari dengan lebih lanjut perisian EndNote bagi memudahkan kerja-kerja pengumpulan dan penyediaan bibliografi.